

12 DEC 1998

MAHATHIR-PAMERAN/I

DR MAHATHIR MAHU PEMAJU PERUMAHAN ADALAH PAMERAN

KUALA LUMPUR, 12 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengarahkan para pemaaju perumahan dan bank-bank dan institusi-institusi kewangan yang terlibat di dalam Kempen Pemilikan Rumah" sebulan supaya mengadakan pameran di seluruh negara mengenai harta-harta yang akan dijual.

Kata beliau bahawa pameran semumpama itu akan membolehkan bakal pembeli melihat sendiri model-model rumah, kedai-kedai dan kilang-kilang, membuat pertanyaan serta-merta dan memperolehi semua maklumat berkaitan mengenai harta-harta di satu lokasi pusat.

"Bagi mereka yang berminat, pengangkutan patut diadakan untuk melawat tapak projek itu," Dr Mahathir, yang juga Menteri Kewangan Pertama, berakta semasa melancarkan Kempen Pemilikan Rumah, bermula hari ini.

Bank-bank dan institusi kewangan patut mendirikan gerai di pameran dan malahan peguam-peguam boleh berada di sana untuk membolehkan bakal pembeli membuat keputusan mengenai rumah yang mereka mahu beli, katanya.

Kempen itu dilanjutkan oleh kerajaan bersama dengan Bank Negara Malaysia, Persatuan Pemaaju Perumahan Malaysia (HDAM), Persatuan Bank-bank di Malaysia dan Persatuan Syarikat-syarikat Kewangan di Malaysia.

Kempen itu, yang disertai oleh lebih 260 pemaaju harta, bertujuan menyelamatkan pasaran hartanah yang muram.

Pemaaju-pemaaju harta berkata bahawa lambakan sekarang di dalam pasaran hartanah adalah sebanyak RM80 bilion.

Semasa kempen itu, pembeli-pembeli rumah akan diberikan galakan seperti sehingga 95 peratus pinjaman perumahan dan pembeli-pembeli Bumiputera tambahan lima peratus potongan di samping potongan 10 peratus yang diberikan kepada bukan Bumiputera.

"Idea pesta dan pameran itu adalah untuk mempercepatkan semuanya dan malahan kelulusan untuk membeli boleh dibuat serta-merta," katanya.

Dr Mahathir berharap dan menjangka para pemaaju yang menyertai di dalam kempen itu akan mempamerkan dan menonjolkan keluaran mereka di seluruh negara supaya rakyat boleh membeli dan mempunyai pilihan yang luas ke atas harta yang mereka mahu beli.

Beliau juga berharap pemaaju-pemaaju harta bekerja sama di dalam kempen itu dan membuat pengorbanan seperti yang dilakukan oleh kerajaan.

Sementara itu, Menteri Kewangan Kedua Datuk Mustapa Mohamed memberitahu persidangan akhbar kemudian bahawa pegawai-pegawai Kementerian Kewangan boleh juga ditempatkan di pesta itu bagi memberikan maklumat dan meluluskan pengeluaran wang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Presiden HDAM Datuk Eddy Chen berkata mereka akan menganjurkan satu pameran dan pesta hartanah sekurang-kurangnya di tiga tempatan utama -- di Lembah Klang, Johor Baharu bagi kawasan selatan dan di Pulau Pinang bagi kawasan utara.

Pada permulaan satu pameran sepatutnya diadakan hari ini, tetapi HDAM tidak dapat dewan pameran untuk tujuh hingga 10 hari terus menerus.

Bagaimanapun, katanya HDAM di peringkat negeri seperti Sabah dan Johor bersedia mengadakan pameran hartanah.

"Kami akan menganjurkan dan mendapatkan tempat yang baik untuk mengadakan pameran seumpamanya meliputi tujuh hingga 10 hari," katanya.

Pengerusi Persatuan Bank-bank di Malaysia, Datuk Amirsham A. Aziz, yang juga pengerusi jawatankuasa penganjur bagi kempen itu, memberikan jaminan sambil berkata: "Anda boleh melihat pameran dalam masa 30 hari." -- BERNAMA

HS MR OS